

Analisis Keperluan Pembinaan Instrumen Pengukuran Pedagogi Terbeza

(Need Analysis for the Development of Differentiated Pedagogy Measurement Instruments)

Sitti Hadijah Muharram^{1*} , Crispina Gregory K Han² 

¹Kolej Matrikulasi Labuan, Jalan OKK Daud, Merinding, Peti Surat 81735, 87027 W.P Labuan, Malaysia.
Email: sitti_hadijah_mp24@iluv.ums.edu.my

²Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: crispina@ums.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Sitti Hadijah Muharram
(sitti_hadijah_mp24@iluv.ums.edu.my)

KATA KUNCI:

Pedagogi Terbeza
Analisis Keperluan
Instrumen
Guru

KEYWORDS:

Differentiated Pedagogical
Need Analysis
Instrument
Teacher

CITATION:

Sitti Hadijah Muharram, & Han, C. G. K.
(2024). Analisis Keperluan Pembinaan
Instrumen Pengukuran Pedagogi Terbeza.
*Malaysian Journal of Social Sciences and
Humanities (MJSSH)*, 9(11), e003116.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i11.3116>

ABSTRAK

Analisis keperluan ini dilaksanakan bagi mengenal pasti adakah terdapat keperluan untuk membina instrumen pedagogi terbeza dalam konteks pendidikan di Malaysia. Responden adalah dalam kalangan pentadbir di sekolah rendah yang terdiri daripada guru besar, penolong kanan pentadbiran, penolong kanan Hal Ehwal Murid dan penolong kanan Kokurikulum. Soal selidik diedarkan secara dalam talian (google form). Data yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan 97.10% responden bersetuju agar instrumen pedagogi terbeza dibangunkan. Antara tiga sebab utama adalah instrumen ini akan meraikan kepelbagaian murid ke arah pengalaman pembelajaran bermakna (82.40%), penerapan elemen pedagogi terbeza sangat berkesan dalam pengajaran murid yang berbeza kecerdasan (76.50%) dan penerapan elemen pedagogi terbeza dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru mampu menambah baik amalan pengajaran guru (76.50%).

ABSTRACT

This needs analysis was conducted to identify whether there is a need to develop differentiated pedagogical instruments in the context of education in Malaysia. Respondents were among administrators in primary schools consisting of principals, senior administrative assistants, senior assistants for Student Affairs and senior assistants for Co-Curriculum. The questionnaire was distributed online (google form). The data obtained was analyzed using descriptive analysis. The study findings showed that 97.10% of respondents agreed that differentiated pedagogical instruments should be developed. Among the three main reasons were that this instrument would celebrate the diversity of students towards a meaningful

learning experience (82.40%), the application of differentiated pedagogical elements is very effective in teaching students with different intelligences (76.50%) and the application of differentiated pedagogical elements in teaching and facilitation (PdPc) of teachers can improve teachers' teaching practices (76.50%).

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini akan menghasilkan satu instrumen pengukuran pedagogi terbeza dalam konteks pendidikan di Malaysia. Instrumen ini diharap dapat digunakan oleh pihak berkepentingan seperti Jemaah Nazir KPM, SISC+, pentadbir sekolah, pensyarah kolej matrikulasi dan guru bagi menilai pelaksanaan pedagogi terbeza di dalam bilik darjah bagi meraikan keterbezaan murid ke arah pengalaman pembelajaran yang bermakna.

1. Pengenalan

Seiring dengan kemajuan dan perkembangan pendidikan global, Malaysia juga tidak ketinggalan dalam mentransformasikan pendidikan ke arah melahirkan generasi yang berilmu sebagai peneraju kepimpinan masa hadapan. Transformasi pendidikan negara dapat dilihat apabila pada tahun 2019 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memansuhkan sepenuhnya sistem pengasingan kelas bagi melancarkan proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) (Khairi, 2024). Pada tahun 2021, Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) telah dimansuhkan diikuti dengan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) pada tahun 2022. Hal ini bagi memastikan guru dapat melaksanakan PdPc secara lebih kreatif dan inovatif untuk memastikan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan (Idris, 2022). Namun, adalah menjadi satu cabaran bagi guru dalam melaksanakan PdPc melibatkan murid yang berada dalam kemampuan yang pelbagai. Peranan guru dilihat sangat penting dalam melaksanakan pedagogi yang berkesan agar mampu menarik minat murid seterusnya memberikan pembelajaran yang bermakna.

Setiap murid di dalam bilik darjah mempunyai ciri-ciri fizikal atau bukan fizikal yang unik. Mereka mempunyai latar belakang, budaya, status ekonomi, bahasa, agama dan tahap kognitif yang pelbagai (Majid et al., 2024). Oleh itu, menjadi tanggungjawab guru menampilkan pengajaran yang berkesan bagi menarik minat murid seterusnya mengurangkan keciciran dalam pembelajaran.

Menurut Sadhasivam et al. (2023) guru perlu bersedia mempelbagaikan kaedah pengajaran dan bukannya menumpukan untuk menghabiskan sukatan pelajaran sahaja. Murid akan terlibat aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran apabila guru memanfaatkan kepelbagaian murid dalam melaksanakan aktiviti di dalam bilik darjah (Oyunini & Wan Mohamad, 2023). Justeru Kamar dan Abdul Rani (2024) berpendapat bagi memenuhi keperluan dan tahap kecerdasan murid yang pelbagai, kaedah dan pendekatan terbaik perlu diterapkan di dalam bilik darjah. Oleh itu, pedagogi terbeza yang dilihat sebagai satu kaedah pengajaran yang baharu perlu diterapkan dalam PdPc guru bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid (Muttalip, 2020).

Pedagogi terbeza ialah pendekatan PdP yang melibatkan strategi pengajaran yang pelbagai sama ada dibezakan melalui kandungan, proses, produk atau persekitaran yang memerlukan keterlibatan guru secara proaktif bagi memenuhi keperluan murid yang pelbagai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022b). Dalam merancang objektif pengajaran guru, Mustaffa et al. (2021b) menyatakan pedagogi terbeza ini mengambil

kira kemampuan pembelajaran murid, kecenderungan dan tahap pembelajaran yang dimiliki murid. Guru perlu belajar mengolah rutin pengajaran di dalam bilik darjah tanpa mengabaikan kepelbagaian murid dalam aspek minat, kesediaan dan latar belakang murid (Mahamod et al., 2015). Kepelbagaian ini menuntut guru masa kini mempelbagaikan cara pengajaran dengan mengamalkan pedagogi terbeza agar setiap murid dapat menguasai sesuatu kemahiran yang telah ditetapkan dalam kurikulum kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022a).

1.1. Permasalahan Kajian

Pencapaian Malaysia dalam *Programme for International Student Assessment* (PISA) 2022 menunjukkan skor purata murid Malaysia semakin menurun bagi ketiga-tiga literasi Matematik, literasi Sainifik dan literasi Bacaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Sejak penyertaan Malaysia ke dalam kajian PISA tahun 2009 skor purata murid Malaysia lebih rendah daripada skor purata *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD). Selain itu, Kajian Lanjutan *The Southeast Asia Primary Learning Metrics* (SEA-PLM) 2019 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022a) yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM pada tahun 2021 mendapati kemahiran pemahaman membaca dan keyakinan menjawab soalan tentang sesuatu teks berada pada tahap sederhana. Kajian ini mencadangkan agar guru Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah rendah diberi bimbingan instruksional untuk pedagogi terbeza dengan sokongan *School Specialist Coaches* (SiSC+) bahasa dan guru cemerlang bahasa. Selain itu kajian ini turut mencadangkan agar sumber pengajaran dan pembelajaran yang berfokus dan terbeza dipelbagaikan bagi menyokong murid berprestasi rendah dalam kemahiran membaca (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022a).

Gaya pengajaran guru yang mengajar dengan gaya *one-size-fits-all* menjadi penyebab utama murid tidak menguasai isi pelajaran. Di dalam bilik darjah yang sama, murid mempunyai tahap penguasaan, gaya belajar dan kecerdasan yang pelbagai menyebabkan kaedah ini tidak sesuai digunakan (Mustaffa et al., 2021b). Hal ini adalah kerana kaedah pengajaran guru akan mempengaruhi secara langsung pencapaian akademik murid (Ambotang & Anuar, 2023). Selain itu, menurut Mat Lui dan Ahmad (2021) murid berminat apabila guru memberikan latihan yang sesuai dengan tahap dan kemahiran mereka. Justeru itu, guru perlu memilih kaedah PdP yang sesuai dengan keupayaan murid tersebut.

Walau bagaimanapun, pedagogi terbeza kurang diamalkan dalam bilik darjah kerana guru kurang menguasai dan memahami konsep pedagogi terbeza serta keterbatasan waktu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022a). Mokhlis (2021) dalam kajiannya juga mendapati pandangan tentang kepentingan pengajaran terbeza adalah baik dalam kalangan guru prasekolah namun, pelaksanaannya masih lagi berada pada tahap sederhana selari dengan dapatan Kamar dan Abdul Rani (2024). Hal ini adalah kerana pendekatan pedagogi terbeza kurang diamalkan oleh guru dalam bilik darjah kerana kurangnya pengetahuan dan pemahaman yang baik dalam pedagogi terbeza (Mustaffa et al., 2021a). Kajian yang dilaksanakan oleh Muttalip (2020) yang menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru terhadap pedagogi terbeza masih sederhana. Pada perspektif guru pengajaran terbeza merupakan kaedah baharu dalam pendekatan pengajaran.

Guru menghadapi kesukaran untuk mengadaptasi kandungan pengajaran selari dengan keperluan murid disebabkan kurangnya pemahaman untuk mengimplementasikan

pedagogi terbeza dalam pengajaran guru (Janang & Mahamod, 2022). Selain itu, terdapat pelbagai kekangan dan cabaran untuk melaksanakan pedagogi terbeza menyebabkan guru melihat pendekatan ini sebagai pendekatan pengajaran yang sukar untuk dilaksanakan (Ladjaharun & Ahmad, 2023). Menurut Jawan dan Mahamod (2021) dalam melaksanakan pedagogi terbeza cabaran utama guru adalah menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan kognitif murid yang pelbagai. Latihan guru untuk pengajaran yang bersesuaian mengikut tahap pelajar perlu diberikan (World Bank, 2024).

1.2. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan pedagogi terbeza guru terhadap pedagogi terbeza.
- ii. Mengenal pasti tahap persetujuan keperluan membina instrumen pedagogi terbeza.
- iii. Mengenal pasti tahap persetujuan justifikasi keperluan membina instrumen pedagogi terbeza.

2. Sorotan Literatur

2.1. Konsep Pedagogi Terbeza


Pedagogi terbeza secara umumnya adalah sebagai pendekatan pengajaran inklusif yang bertujuan memenuhi keperluan pembelajaran, pilihan, dan tahap kesediaan yang berbeza-beza dalam kalangan pelajar dalam satu kelas. Ditakrifkan oleh sifatnya yang boleh disesuaikan dan responsif, pedagogi terbeza komited untuk menyediakan peluang pembelajaran yang adil untuk semua pelajar. Menurut Scarparolo dan MacKinnon (2024), pedagogi terbeza adalah satu amalan “inklusif” yang selari dengan suara pelajar, yang memberi penekanan kepada kepentingan peranan pelajar dalam proses pembelajaran mereka sendiri. Dengan menyesuaikan pengajaran untuk memenuhi keperluan pelbagai pelajar, pendekatan ini berhasrat untuk mewujudkan persekitaran kelas yang lebih berpusatkan pelajar dan menarik, di mana pelajar bukan sahaja terlibat tetapi turut cemerlang mengikut keupayaan dan minat unik masing-masing.

Prinsip utama pedagogi terbeza tertumpu kepada tiga elemen asas iaitu kandungan, proses, dan produk. Elemen-elemen ini, seperti yang diuraikan oleh Kenney et al. (2024), membolehkan guru menyesuaikan apa yang diajar (kandungan), cara pelajar berinteraksi dengan bahan (proses), dan cara mereka menunjukkan pemahaman (produk). Dalam beberapa konteks, persekitaran pembelajaran juga diubah suai untuk meningkatkan kebolehpasaran dan keterlibatan. Rangka kerja ini, yang bermula daripada karya Tomlinson (2014), bertujuan untuk memastikan pengajaran dapat disesuaikan dengan fleksibel bagi memenuhi keperluan pembelajaran individu dalam suasana kelas yang sama. Dengan demikian, pedagogi terbeza bertujuan bukan sahaja untuk membuat kandungan lebih mudah diakses, tetapi juga menggalakkan pelibatan bermakna bagi setiap pelajar, seterusnya mewujudkan persekitaran yang inklusif dan menyokong kejayaan pelajar daripada pelbagai tahap keupayaan.

Rajah 1 menggambarkan bagaimana pedagogi terbeza memenuhi pelbagai keperluan pelajar dengan menyesuaikan kandungan, proses, produk, dan persekitaran pembelajaran. Berpandukan tiga aspek ciri pelajar iaitu kesediaan, minat, dan profil pembelajaran guru menggunakan pelbagai strategi seperti pembelajaran berasaskan

penguasaan, perbincangan kumpulan, kajian sendiri, dan pembelajaran berasaskan projek untuk meningkatkan keterlibatan dan hasil pembelajaran pelajar.

Rajah 1: Rangka Kerja Pedagogi Berbeza Berdasarkan Keperluan Pelajar



Sumber: Tomlinson (2014)

Tambahan pula, pedagogi terbeza disokong oleh teori-teori yang mengiktiraf pelbagai kekuatan kognitif, seperti Teori Kecerdasan Pelbagai Gardner. Menurut [Anggoro et al. \(2024\)](#), model Gardner, yang mengenal pasti jenis kecerdasan yang berbeza seperti linguistik, ruang, dan interpersonal, menggalakkan guru untuk mengenal pasti dan memenuhi kekuatan unik setiap pelajar. Dalam konteks ini, pedagogi terbeza membolehkan pendidik menggunakan pelbagai strategi pengajaran seperti alat bantu visual untuk pelajar yang cenderung kepada kecerdasan ruang atau perbincangan kumpulan untuk pelajar yang cenderung kepada kecerdasan interpersonal untuk mewujudkan persekitaran kelas di mana bakat semua pelajar dipupuk dan dihargai. Dengan menggabungkan kepelbagaian pendekatan pengajaran ini, pedagogi terbeza menjadi amat berkesan dalam kelas yang pelbagai dari segi budaya, di mana latar belakang kognitif dan budaya pelajar berbeza secara meluas ([Pereira et al., 2021](#)). Fleksibiliti dalam pedagogi terbeza menjadikannya pendekatan yang bernilai untuk mencapai persekitaran kelas yang inklusif yang menghormati potensi setiap pelajar.

2.2. Polisi dan Amalan Semasa dalam Pedagogi Berbeza di Malaysia

Pelaksanaan Pedagogi Terbeza (*Differentiated Instruction* atau DI) di Malaysia disokong oleh dasar pendidikan kebangsaan yang menekankan kepentingan inklusiviti dan akses saksama kepada pendidikan berkualiti. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013](#)) berfungsi sebagai dasar asas yang menggalakkan pendekatan berpusatkan pelajar dan berbeza untuk merapatkan jurang pembelajaran serta membekalkan pelajar dengan kemahiran abad ke-21 ([Mustapa & Miskon, 2022](#); [Janang & Mahamod, 2022](#)). Pelan ini selari dengan falsafah DI dengan mempromosikan kaedah pengajaran yang disesuaikan mengikut keperluan pembelajaran individu, justeru menyokong kepelbagaian dalam bilik darjah. Selain itu, dasar khusus

bahasa seperti Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu (2016-2025) memperkukuh keperluan pendekatan berbeza untuk meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar, dengan mengambil kira tahap penguasaan bahasa yang berbeza dalam populasi Malaysia yang pelbagai (Sapian & Wan Mohammad, 2022). Secara keseluruhan, dasar-dasar ini mencerminkan komitmen Malaysia dalam mewujudkan persekitaran pendidikan inklusif, di mana DI digalakkan sebagai cara untuk memenuhi profil pembelajaran unik setiap pelajar di seluruh negara.

3. Metod Kajian

Kajian analisis keperluan menggunakan kajian kuantitatif jenis hirisan rentas bagi menganalisis keperluan membina instrumen pengukuran pedagogi terbeza dalam konteks pendidikan di Malaysia. Populasi kajian adalah seramai 35 orang pentadbir yang merupakan pengguna utama dokumen Standard 4 Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Kualiti@Sekolah daripada 17 buah sekolah rendah di Wilayah Persekutuan (WP) Labuan. Pemilihan responden adalah secara rawak (Chua, 2006), yang ditentukan saiz sampel kajian seramai 32 responden menurut Jadual Krejcie dan Morgan (1970) (Jadual 1).

Jadual 1: Jadual Krejcie dan Morgan (1970)

<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	1000000	384

Sumber: Krejcie dan Morgan (1970)

Data diperoleh daripada tinjauan soal selidik yang diedarkan secara dalam talian (*google form*). Pentadbiran soal selidik dalam talian mudah untuk dijawab dan dihantar oleh responden dan seterusnya mudah untuk dianalisis (Sava, 2012). Soal selidik diadaptasi daripada Nadarajah dan Wan Mohamad (2023) serta diubah suai dengan menyenaraikan beberapa pilihan yang telah ditetapkan dan meminta responden untuk menandakan satu atau lebih jawapan (Sava, 2012). Hal ini adalah kerana menurut Sava (2012), penyusunan soalan dan mod respons yang dipilih akan mempengaruhi cara seseorang menjawab soalan. Soal selidik mengandungi 3 konstruk iaitu demografi responden, tahap pengetahuan pedagogi terbeza guru dan tahap keperluan pembangunan instrumen pedagogi terbeza. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif, iaitu peratusan persetujuan responden.

4. Hasil Kajian

Seramai 35 orang pentadbir di 17 buah sekolah rendah yang terdapat di WP Labuan telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan. Menurut Sava (2012) sesetengah pengelasan tidak menganggap kajian itu sah melainkan 50% soal selidik telah dikembalikan. Seramai 35 orang pentadbir yang merupakan pengguna utama dokumen Standard 4 Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Kualiti@Sekolah daripada 17 buah sekolah rendah di Wilayah Persekutuan (WP) Labuan. Seramai 35 orang telah berjaya menjawab soal selidik ini dengan lengkap. Dapatan profil pentadbir yang terlibat sebagai responden meliputi jantina, umur, kelulusan akademik tertinggi, kelulusan ikhtisas dan pengalaman mengajar. [Jadual 2](#) menunjukkan demografi responden kajian.

Jadual 2: Demografi Responden

Aspek		Peratus
Jantina	Lelaki	31.40% (N=11)
	Perempuan	68.60% (N= 24)
Umur	20-30 tahun	0.00% (N=0)
	31-40 tahun	17.14% (N=6)
	41-50 tahun	31.40% (N=11)
	51-60 tahun	51.40% (N=18)
Kelulusan akademik tertinggi	Diploma	5.71% (N= 2)
	Sarjana Muda	57.10% (N=20)
	Sarjana	37.19% (N=13)
	Doktor Falsafah (PhD.)	0.00% (N=0)
Kelulusan ikhtisas	Sijil Perguruan	28.60% (N=10)
	Diploma Pendidikan/KPLI	42.90% (N=15)
	Ijazah Pendidikan	28.60% (N= 10)
Pengalaman mengajar	1-3 tahun	0.00% (N=0)
	4-6 tahun	0.00% (N=0)
	7-9 tahun	5.70% (N= 2)
	Lebih 10 tahun	94.30% (N= 33)

[Jadual 2](#) menunjukkan bilangan responden lelaki adalah seramai 11 orang (31.40%) dan responden perempuan adalah seramai 24 (68.60%). Oleh yang demikian, seramai 35 orang responden telah terlibat dalam kajian analisis keperluan. Daripada 35 sampel

pentadbir sekolah rendah WP Labuan yang diambil, 100% sampel mempunyai pengalaman mengajar melebihi tujuh tahun. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian [Ladjaharun dan Ahmad \(2023\)](#) yang kebanyakan responden dalam kalangan guru yang mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dan dalam lingkungan 50 tahun ke atas.


Data yang diperoleh dalam [Jadual 3](#) menunjukkan item B1, B3, B4 dan B5 memperoleh 100% responden yang mempunyai pengetahuan konsep pedagogi terbeza, mengetahui setiap murid mempunyai pelbagai perbezaan, mengetahui aras kognitif murid melalui pelaksanaan pedagogi terbeza dan mengetahui kepentingan pedagogi terbeza. Ini menunjukkan tahap pengetahuan responden tentang pedagogi terbeza adalah 99.42% secara keseluruhannya. Terdapat seorang responden sahaja (2.90%) yang tidak mengetahui elemen pedagogi terbeza. Ini menunjukkan kebanyakan pentadbir telah pun diberikan pendedahan tentang pedagogi terbeza.

Jadual 3: Tahap Pengetahuan Pedagogi Terbeza

Bil.	Perkara	Kekerapan	Peratusan %
B1	Saya tahu tentang konsep pedagogi terbeza.	35	100
B2	Saya mengetahui elemen pedagogi terbeza.	34	97.10
B3	Saya mengetahui setiap murid mempunyai pelbagai perbezaan.	35	100
B4	Saya mengetahui aras kognitif murid melalui pelaksanaan pedagogi terbeza.	35	100
B5	Saya mengetahui kepentingan pedagogi terbeza.	35	100

[Rajah 2](#) menunjukkan tahap peratusan persetujuan responden mengenai keperluan untuk membina instrumen pengukuran pedagogi terbeza. Seramai 97.10% responden bersetuju agar instrumen pengukuran pedagogi terbeza dapat dibangunkan.

Rajah 2: Peratusan Persetujuan Membangunkan Instrumen Pengukuran Pedagogi Terbeza



[Jadual 4](#) melaporkan data berkaitan tahap peratusan persetujuan justifikasi mengenai keperluan membina instrumen pedagogi terbeza. Didapati 82.40% responden bersetuju dengan justifikasi yang menyatakan instrumen ini akan meraikan kepelbagaian murid ke arah pengalaman pembelajaran bermakna, 76.50% bersetuju dengan penerapan elemen

pedagogi terbeza sangat berkesan dalam pengajaran murid yang berbeza kecerdasan, 76.50% responden juga bersetuju penerapan elemen pedagogi terbeza dalam PdPc guru mampu menambah baik amalan pengajaran guru, 64.70% responden bersetuju dengan terdapat keperluan membangunkan instrumen pedagogi terbeza yang sesuai dengan Standard 4, 52.90% responden pula bersetuju dengan tindakan pelaksanaan PdPc guru mengikut pelbagai aras keupayaan/pembelajaran terbeza dalam Standard 4 kurang jelas berkaitan domain yang diukur dan 41.20% bersetuju dengan instrumen yang mengukur pelaksanaan pedagogi terbeza guru mengikut domain modul pedagogi terbeza yang sedia ada belum dibangunkan.

Jadual 4: Tahap Keperluan Membina Instrumen Pengukuran Pedagogi Terbeza

Bil.	Perkara	Kekerapan	Peratus %
C1	Instrumen yang mengukur pelaksanaan Pedagogi Terbeza guru mengikut domain Modul Pedagogi Terbeza yang sedia ada belum dibangunkan.	14	41.20
C2	Terdapat keperluan membangunkan instrumen Pedagogi Terbeza yang sesuai dengan penilaian Standard 4.	22	64.70
C3	Tindakan pelaksanaan PdPc guru mengikut pelbagai aras keupayaan murid/pembelajaran terbeza dalam standard 4 kurang jelas berkaitan domain yang diukur.	18	52.90
C4	Penerapan elemen Pedagogi Terbeza dalam PdPc guru mampu menambah baik amalan pengajaran guru.	26	76.50
C5	Penerapan elemen Pedagogi Terbeza sangat berkesan dalam pengajaran murid yang berbeza kecerdasan.	26	76.50
C6	Penggunaan instrumen Pedagogi Terbeza dalam pengajaran akan meraikan kepelbagaian murid ke arah pengalaman pembelajaran bermakna.	28	82.40

Berdasarkan keputusan yang diperoleh, keperluan membina instrumen pengukuran pedagogi terbeza sangat diperlukan sejajar dengan kajian [Mustaffa et al. \(2021a\)](#) iaitu perlunya panduan pedagogi terbeza untuk guru dalam bilik darjah yang mempunyai murid yang terdiri daripada kecerdasan yang pelbagai.

5. Kesimpulan

Kajian analisis keperluan ini memberi gambaran yang jelas bahawa guru mengetahui tentang pedagogi terbeza dan sangat bersetuju agar instrumen pengukuran pedagogi terbeza dapat dibangunkan. Keperluan membangunkan instrumen juga dapat disokong berdasarkan tahap persetujuan justifikasi yang tinggi. Selain itu, responden juga ada menyatakan mungkin perlu melihat kesediaan guru dalam pelaksanaan pedagogi terbeza dan mengambil kira setiap satu instrumen yang ingin dibangunkan terutamanya dalam pedagogi terbeza agar dapat memberi peluang yang sama dan keadilan kepada murid untuk mereka berkembang dan mencapai tahap tertinggi pada aras kognitif masing-masing. Keadaan ini memberi implikasi bahawa pelaksanaan instrumen pengukuran pedagogi terbeza dapat memberi manfaat kepada guru yang menggunakan instrumen berkenaan dari aspek pentaksiran yang bertepatan dengan pedagogi terbeza, manakala di pihak pelajar pula kepelbagaian kognitif dapat diraikan ke arah pengalaman pembelajaran yang bermakna.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Pengkaji menggunakan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini melibatkan peserta manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran diperoleh daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan guru besar sekolah yang terlibat. Persetujuan turut diperoleh daripada semua peserta.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih diucapkan kepada semua responden di atas sokongan yang diberikan dalam menjawab soal selidik untuk kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Penyelidikan ini mendapat bantuan kewangan dalam bentuk Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai biasiswa untuk pengajian sarjana pendidikan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Ambotang Abdul & Anuar Lena. (2023). Pengaruh Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan dan Komitmen Guru Terhadap Kualiti Pengajaran. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11, 50-60. <https://doi.org/10.51200/jpp.v11i1.4279>
- Anggoro, S., Fitriati, A., Thoe, N. K., Talib, C. A., & Mareza, L. (2024). Differentiated instruction based on multiple intelligences as promising joyful and meaningful learning. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 13(2), 1194-1204. <https://doi.org/10.11591/ijere.v13i2.24791>
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan: Buku 1*. McGraw-Hill.
- Idris, R. (2022, Ogos 8). Pemansuhan UPSR, PT3 jadikan PBS lebih berkesan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/985967/pemansuhan-upsr-pt3-jadikan-pbs-lebih-berkesan>
- Janang, J. L., & Mahamod, Z. (2022). Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu Terhadap Murid Sekolah Menengah Melalui Pendekatan Terbeza. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4), 291-300. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.4.24>
- Jawan, H., & Mahamod, Z. (2021). Kaedah Dan Cabaran Pengajaran Terbeza Dalam Meningkatkan Penguasaan Membina Ayat Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 67-77. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/12557>
- Kamar, K., & Abdul Rani, I. F. (2024). Pengetahuan dan Kemahiran Guru Prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(1), 82-93. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.8.2024>

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022a). *Laporan Kebangsaan SEA-PLM 2019*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022b). *Modul Pedagogi Terbeza*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Laporan Awal Pencapaian Malaysia Dalam PISA 2022*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Kenney, A. W., Dulong Langley, S., Hemmler, V., Callahan, C. M., Gubbins, E. J., & Siegle, D. (2024). Different or differentiated? Recoupling Policy and Practice in an Era of Accountability. *Educational Policy*, 38(1), 134-160. <https://doi.org/10.1177/08959048231153612>
- Khairi, M. L. (2024, Januari 8). Murid perlu diasingkan kelas ikut kemampuan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational & Psychological Measurement*, 30(3), 607-610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Ladjaharun, H., & Ahmad, A. (2023). Pengajaran Terbeza: Kajian Tinjauan Terhadap Guru Sejarah Sekolah Menengah di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1), e002050. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2050>
- Mahamod, Z., Amir, R., & Embi, M. A. (2015). *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majid, H., Saprani, A.K, Ibrahim, Z., Bakar, M.N & Said, S. (2024). *Pedagogi Terbeza: Satu anjakan dalam pengajaran dan pembelajaran* (1st ed.). MK e-Solution Sdn.Bhd.
- Mat Lui, M.Z. & Ahmad, A. (2021). Minat Murid Terhadap gaya, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru dalam Pendidikan Sejarah. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 211-221. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.676>
- Mustaffa, Z., Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. (2021a). Tahap pengetahuan kurikulum dan amalan pedagogi terbeza guru-guru Pendidikan Islam Zon Selatan Malaysia. *Tinta Artikulasi membina ummah*, 7(2), 1-11. <https://www.journaltamu.com/volume-72-december-2021/>
- Mustaffa, Z., Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. (2021b). Pedagogi Terbeza Untuk Pengajaran Guru Terhadap Kepelbagaian Murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 202 - 214. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.997>
- Mustapa, S. I. S., & Miskon, A. S. H. (2022). Tahap pengajaran dan pemudahcaraan guru di salah sebuah sekolah menengah daerah Langat. *Journal Civics and Social Studies*, 6(1), 90-99. <https://doi.org/10.31980/civicos.v6i1.1735>
- Muttalip, D. A. A. (2020). Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Yang Mengajar Di Sekolah Rendah Pedalaman Kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 29-42. <https://journalarticle.ukm.my/16194/>
- Mokhlis, S. (2021). Persepsi dan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru prasekolah. *Borneo International Journal*, 4(3), 9-18.
- Nadarajah, S., & Wan Mohammad, W. M. R. (2023). Tahap pengetahuan pendekatan terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 570-581. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.45>
- Oyunini, S. J., & Wan Mohamad, W. M. R. (2023). Keberkesanan modul latihan intervensi berfokus dan terbeza (MoLIB) terhadap kemahiran pedagogi guru Bahasa Melayu sekolah rendah *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 60-74. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.6>

- Pereira, N., Tay, J., Desmet, O., Maeda, Y., & Gentry, M. (2021). Validity Evidence for the Revised Classroom Practices Survey: An Instrument to Measure Teachers' Differentiation Practices. *Journal for the Education of the Gifted*, 44(1), 31-55. <https://doi.org/10.1177/0162353220978304>
- Sadhasivam, S., Michael, M. V. P., Mohamad, M., & Yunus, M. M. (2023). The Importance of Innovative Teaching and Learning Approaches in the Implementation of CEFR: A Literature Review. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(2), 1696–1705. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v12-i2/16842>
- Sapian, N., & Wan Mohammad, W. M. R. (2022). Pelaksanaan Pendekatan Pedagogi Terbeza dalam kalangan Guru Bahasa Melayu: Kajian Literatur Sistemik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001684. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1684>
- Sava, S. (2012). *Methods of Needs Analysis in Educational Context*. In *Needs Analysis and Programme Planning in Adult Education* (1st ed., pp. 59–88). Verlag Barbara Budrich. <https://doi.org/10.2307/j.ctvbkjvs2.8>
- Scarpapolo, G., & MacKinnon, S. (2024). Student voice as part of differentiated instruction: students' perspectives. *Educational Review*, 76(4), 774–791. <https://doi.org/10.1080/00131911.2022.2047617>
- Tomlinson, C. A. (2014). *The differentiated classroom: Responding to the needs of all learners*. Ascd.
- World Bank (2024). *Malaysia Economic Monitor - Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundational Skills (English)*. Washington, D.C.: World Bank Group. <http://documents.worldbank.org/curated/en/099041724092521963/P50085018195b80ed18e76160218d3ea80a>